

# Bahagian tentukan undi sulit

BH 22 FEB 200

SHAH ALAM, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyerahkan kepada bahagian Umno bagi menentukan pemilihan perwakilan ke perhimpunan agung Umno dan penentuan calon bagi semua jawatan di peringkat Pusat, dilakukan melalui undi sulit.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, setengah bahagian termasuk bahagiannya sendiri di Kubang Pasu, Kedah, memang menjalankan proses itu secara sulit.

"Yang itu, (terpulang kepada) bahagian. Kalau siapa suka nak pilih (secara sulit), pilihlah. Kita tulis atas kertas, kita tak tahu siapa dia (yang dipilih).

"Itu di bahagian saya.

Saya tak tahu bahagian lain," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang Ericsson di sini hari ini.

Beliau mengulas cadangan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, supaya pemilihan perwakilan ke perhimpunan agung Umno dan pemilihan calon bagi semua jawatan pada peringkat Pusat dilakukan secara sulit.

Dalam cadangannya kemarin, Tengku Razaleigh berkata melalui undian sulit, setiap ahli Umno dapat mengambil bahagian dalam proses pemilihan tanpa rasa takut dan terdedah kepada sebarang ugutan.

Semalam. Timbalan Per-

dana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Naib Presiden Umno berkata sebarang cadangan berkaitan peraturan atau prosedur parti, cawangan atau bahagian Umno, perlu dikemukakan kepada Majlis Tertinggi (MT).

Mengenai kemungkinan proses pemilihan secara sulit itu diseragamkan untuk semua bahagian, Dr Mahathir berkata, cadangan seumpama itu perlu dikemukakan kepada MT untuk mempertimbangkannya.

Beliau menasihatkan semua pihak terutama perwakilan ke mesyuarat bahagian bermula 1 Mac ini supaya sentiasa mementingkan kepentingan parti daripada kepentingan individu.

"Kita selalu tekankan yang penting ialah parti. Manusia atau orang tak penting. Akhirnya dia akan kembali ke rahmatullah juga. Parti kita tak payah tanam. Kita nak parti itu hidup," katanya.

Mengenai mesyuarat peringkat cawangan yang berlangsung sekarang, beliau berkata ia berjalan lancar dan ahli Umno menghadirinya dengan penuh minat serta mematuhi segala nasihat.

Sementara itu, pembantu khas Tengku Razaleigh, Ahmad Shabery Chik menjelaskan, pelaksanaan undi sulit bukanlah cadangan baru kerana ia sudahpun terandung dalam Tatacara Mesyuarat Umno yang men-

syaratkan pembuangan undi untuk semua jawatan termasuk pemilihan wakil bahagian ke perhimpunan agung.

Oleh itu, katanya, soal membawanya ke mesyuarat MT tidak patut timbul.

Beliau berkata, kenyataan Tengku Razaleigh mengingatkan bahagian Umno melaksanakan undi sulit adalah untuk mengukuhkan pelaksanaan Kod Etika Pemilihan yang dikeluarkan oleh MT.

"Melalui undi sulit, mereka yang terbabit dalam persidangan perwakilan Umno Bahagian bebas membuat keputusan mengenai masa depan Umno tanpa terdedah kepada ugutan dan sogokan," katanya dalam satu kenyataan petang ini.